



TAHAP PENERIMAAN DAN KEBERKESANAN KURSUS TASAWWUR ISLAM DALAM KALANGAN MAHASISWA ASASI DI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

*ACCEPTANCE AND EFFECTIVENESS OF TASAWWUR ISLAM COURSE
AMONG FOUNDATION STUDENTS AT UNIVERSITI MALAYSIA SABAH*

Saifulazry Mokhtar^{1*}, Kasoma Thia^{2*}

- ¹ Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah, Malaysia
Email: saifulazry.mokhtar@ums.edu.my
- ² SMK Tebbon, Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia
Email: kasomathia77@gmail.com
- * Corresponding Author

Article Info:

Article history:

Received date: 01.03.2023
Revised date: 13.04.2023
Accepted date: 22.05.2023
Published date: 01.06.2023

To cite this document:

Mokhtar, S., & Thia, K. (2023). Tahap Penerimaan Dan Keberkesanan Kursus Tasawwur Islam Dalam Kalangan Mahasiswa Asasi Di Universiti Malaysia Sabah. *International Journal of Modern Education*, 5 (17), 56-69.

DOI: 10.35631/IJMOE.517006

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



Abstrak:

Penawaran pengajian peringkat asasi di Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah sama seperti yang ditawarkan di universiti tempatan lain iaitu kepada para pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Dalam menempuh peringkat asasi di Universiti Malaysia Sabah, para pelajar yang beragama Islam perlu mengikuti subjek Tasawwur Islam sebagai salah satu mata pelajaran wajib. Subjek Tasawwur Islam ini merupakan satu kelangsungan penerapan ilmu keagamaan kepada mahasiswa Muslim bagi memberikan tambah nilai dalam kehidupan mereka. Persoalan yang timbul di sini adalah adakah kursus Tasawwur Islam ini memberi impak yang memberangsangkan terhadap kehidupan pelajar? Oleh itu, kajian ini dijalankan adalah untuk melihat tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di UMS. Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif iaitu berdasarkan soal selidik yang diedarkan menerusi *Google Form*. Terdapat seramai 50 responden dalam kalangan pelajar-pelajar asasi di UMS yang telah meluangkan masa untuk turut serta memberikan pandangan dan persepsi mereka terhadap tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi. Hasil penawaran kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi menunjukkan 84% dari pelajar dapat menambah ilmu pengetahuan pelajar khususnya dalam selok belok agama Islam, 60% pelajar dapat mengaplikasikan ilmu-ilmu yang diperolehi dalam kehidupan seharian dan 42% pelajar dapat mengubah diri mereka menjadi seorang yang lebih baik dari sebelumnya. Secara keseluruhannya, penawaran kursus Tasawwur Islam di

peringkat asasi ini sangat memberikan impak positif terhadap kehidupan mahasiswa bagi menempuh hari-hari yang mendatang.

Kata Kunci:

Asasi, Keberkesanan, Mahasiswa, Tahap Penerimaan, Tasawwur Islam, Universiti Malaysia Sabah

Abstract:

The offer of basic studies at Universiti Malaysia Sabah (UMS) is the same as that offered at other local universities, namely to students who are graduates of Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). In pursuing the foundation level at Universiti Malaysia Sabah, Muslim students need to follow the subject of Tasawwur Islam as one of the compulsory subjects. The subject of Tasawwur Islam is a continuation of the application of religious knowledge to Muslim students to provide added value to their lives. The question that arises here is does this Tasawwur Islam course have an encouraging impact on the lives of students? Therefore, this study was conducted to see the level of acceptance and effectiveness of Tasawwur Islam courses among students at UMS. This study uses quantitative methodologies based on questionnaires distributed through Google Form. There were 50 respondents among the students at UMS who had taken the time to participate in their views and perceptions on the level of acceptance and effectiveness of the Tasawwur Islam course at the foundation level. The results of the Tasawwur Islam course offering at the foundation level showed that 84% of the students can increase their knowledge especially in the ins and outs of Islam, 60% of students can apply the knowledge gained in everyday life and 42% of students can transform themselves into a better person than before. Overall, the offering of Tasawwur Islam courses at this fundamental level has a positive impact on the lives of students in the coming days.

Keywords:

Foundation, Effectiveness, Undergraduate, Acceptance Level, Tasawwur Islam, Universiti Malaysia Sabah

Pengenalan

Proses pembelajaran adalah suatu tuntutan yang sangat ditekankan oleh agama kepada penganutnya. Boleh dikatakan semua agama yang ada di alam nyata ini menyarankan penganutnya untuk menuntut ilmu khususnya agama Islam. Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia bukanlah satu titik noktah kepada proses menuntut ilmu, malah ia merupakan satu titik permulaan dalam hidup seseorang pelajar. Kelangsungan proses pembelajaran perlu diteruskan sekalipun seseorang pelajar itu meneruskan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Ini kerana, sebuah institusi tersebut perlu menghasilkan kemenjadian pelajar yang merupakan tunjang utama kepada pembangunan negara. Menurut Ibrahim (2009), kekuatan dan kelemahan sesuatu bangsa dan negara amat bergantung kepada golongan muda dimana ia merupakan tonggak dan pewaris kesinambungan pembangunan dan kesejahteraan negara. Golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhkan ekonomi serta masa depan negara (Mokhtar, 2014).

Menurut Othman (1995) pula mengatakan bahawa pendidikan agama yang disemai sejak zaman kanak-kanak mampu membentuk perkembangan diri remaja yang positif serta mempunyai nilai-nilai murni dalam jiwa mereka. Pendidikan agama juga dilihat mampu menolak perlakuan negatif dan unsur-unsur yang bertentangan dengan ajaran agama. Pandangan ini mengambarkan bahawa betapa pentingnya pendidikan agama ke arah pembentukan sahsiah dan akhlak yang sempurna dalam kalangan remaja (Mokhtar, 2014). Menurut Langgulung (1977) pula menyatakan bahawa masalah pelajar yang paling utama sekali yang dihadapi oleh pelajar di sekolah ialah masalah cabaran akhlak, disiplin dan agama. Jika pelajar tidak meneruskan pengajian, sudah pasti mereka akan terdedah dengan media sosial yang boleh membunuh masa depan mereka jika tersalah caranya. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022b), *facebook* telah menjadi tarikan kepada golongan remaja kerana mereka dapat mencari kenalan baharu dan bersempang secara langsung. Seandainya situasi ini tidak dapat dikawal, sudah pasti negara tidak dapat melahirkan golongan remaja yang berkualiti pada masa akan datang.

Oleh hal demikian, pihak Universiti Malaysia Sabah telah mengorak langkah untuk seiring dengan matlamat tersebut dengan mewajibkan mata pelajaran Tasawwur Islam pada peringkat asasi sebagai kesinambungan kepada pelajaran Pendidikan Agama Islam di peringkat menengah. Pendekatan ini sedikit sebanyak membantu para pelajar untuk terus mempelajari asas-asas dalam Pendidikan Islam bagi melahirkan masyarakat madani pada masa akan datang. Pihak yang dipertanggungjawabkan untuk merealisasikan kedinamikan Islam ini adalah Pusat Persediaan Sains dan Teknologi (PPST). Dalam meneruskan pengajian di peringkat asasi ini, para pelajar akan mempelajari kursus Tasawwur Islam ini selama dua semester. Dalam setiap semester, para pelajar akan mengikuti 10 minggu kuliah Tasawwur Islam mengikut jadual yang telah ditetapkan. Pada kebiasaannya, kursus Tasawwur Islam akan dijalankan pada setiap hari Jumaat, Jam 10.30 pagi sehingga 11.00 pagi. Manakala tenaga pengajar pula terdiri daripada para pensyarah dalam bidang Pengajian Islam. Berikut merupakan contoh jadual pengajian untuk pelajar asasi di UMS bagi semester 1 sesi 2022/2023.

JADUAL AKADEMIK ASASI IT SEM I SESI 2022/2023

HARI	KURSUS	KUMP.	TEMPAT	MASA	KURSUS	KUMP.	TEMPAT	MASA	KURSUS	KUMP.	TEMPAT	MASA	KURSUS	KUMP.	TEMPAT	MASA		
ISININ	PANGKALAN DATA (CD0013)	T15	MAKMAL BAHASA	ANNX	9.00-10.00	ASAS MULTIMEDIA (CT0014)	K5 K6	BK1 PPST	10.30-12.30	MATH (CM0014)	T16	BT7	ANNX	2.30-3.30	ASAS MULTIMEDIA (CT0014)	T15	MAKMAL BAHASA	ANNX 2.00-5.00
SELASA	PANGKALAN DATA (CD0013)	T16	MAKMAL BAHASA	ANNX	9.00-10.00	PANGKALAN DATA (CD0013)	K5 K6	BK1 PPST	10.30-12.30	MATH (CM0014)	T15	BT3	PPST	2.30-3.30	ASAS MULTIMEDIA (CT0014)	T16	MAKMAL BAHASA	ANNX 10.30-1.30
RABU	PENGENALAN KEPADA RANGKAIAN (CN0013)	K5 K6	DKP 4	DKP	8.00-10.00	MATH (CM0014)	K5 K6	DKP 4 DKP	10.30-12.30	PENGENALAN KEPADA RANGKAIAN (CN0013)	T15	BT9	ANNX	2.30-3.30	ENGLISH (UB0013)	B19 B20	BK3 BK4	ANNX 2.00-5.00
KHAMIS	PENGENALAN KEPADA RANGKAIAN (CN0013)	T16	BT9	ANNX	9.00-10.00	PENGATURCAR AAN (CP0015)	T15	MAKMAL BAHASA	ANNX	8.00-11.00	PENGATURCAR AAN (CP0015)	K5 K6	BK1 PPST	11.30-1.30	PENGATURCAR AAN (CP0015)	T16	MAKMAL BAHASA	ANNX 2.00-5.00
JUMAAT	KEMAHIRAN ANALYTICAL	G5	BK3	ANNX	8.00-10.00	Tasawwur Islam	T.I.1	BK1 PPST	10.30-11.30	Moral	M 1	DKP4	DKP					

Rajah 1: Jadual Akademik bagi Tasawwur Islam

Sumber: <https://www.ums.edu.my/ppstv2/>

Kajian Lepas

Bagi memastikan kerelevanannya artikel yang dijalankan, pengkaji terlebih dahulu menjalankan kajian lepas berkaitan dengan tahap penerimaan dan keberkesanannya kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Berdasarkan pemerhatian dan analisis kajian lepas, pengkaji dapati kajian yang melibatkan kursus Tasawwur Islam belum banyak dijalankan berbanding dengan subjek Pendidikan Islam. Pengkaji dapati terdapat beberapa orang sarjana yang berkongsikan nota berkaitan dengan kursus Tasawwur Islam sama ada di peringkat menengah mahupun di peringkat asasi. Walau bagaimanapun, kajian yang melibatkan Pendidikan Islam kerap dijalankan oleh sarjana di mana majoriti sekolah menengah mewajibkan pelajar untuk mengambil subjek Pendidikan Islam berbanding Tasawwur Islam. Kajian yang dilakukan oleh Tamuri dan rakan-rakan (2004) mendapati bahawa banyak faktor yang dikenalpasti menjadi penyumbang kepada ketidakupayaan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam untuk melahirkan generasi Islam yang benar-benar menghayati ajaran agama.

Selain itu, kajian Mokhtar dan rakan-rakan (2019a) pula bertujuan untuk melihat sejauh mana Falsafah Pendidikan Islam dapat merentas kurikulum alaf ke-21 menerusi pendekatan dan kaedah pelaksanaan pendidikan Islam terhadap pelajar mengikut tuntutan teknologi masa kini ataupun sekadar menerusi kaedah ‘Chalk and Talk’. Kajian ini juga turut melihat adakah Falsafah Pendidikan Islam ini menyahut cabaran dan saranan KPM dalam melaksanakan e-Pembelajaran terhadap semua lapisan pelajar selaras dengan matlamat pencapaian Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK21). Keberkesanannya dan pendekatannya kaedah pengajaran turut menjadi perkara utama dalam perbincangan sarjana. Kajian Moharam dan rakan-rakan (2021) mengkaji pendekatannya kaedah interaktif dalam Pendidikan Islam yang menjadi suatu tuntutan dalam pendidikan masa kini kerana ia mampu memberi kefahaman yang gitu kepada pelajar secara langsung.

Bagi melangsungkan proses Pengajaran dan Pembelajaran semasa era pasca pandemik Covid-19 ini, satu pendekatan baharu perlu dilaksanakan agar rantaian ilmu tidak terhenti khususnya kepada para pelajar (Mokhtar & rakan-rakan, 2021e). Penerapan unsur-unsur ilmu atau rekayasa dakwah perlu dimiliki oleh setiap pendakwah atau guru sebelum mereka turun ke kancang realiti kehidupan. Ia bertujuan supaya agenda dan matlamat yang dibawa tersebut dapat diterima dan terkesan ke lubuk sanubari golongan sasaran dakwahnya. Tanpa penguasaan rekayasa dakwah terlebih dahulu, kemungkinan besar seseorang pendakwah atau guru itu tidak akan memperoleh kejayaan dan cita-cita yang diigaukan (Mokhtar & rakan-rakan, 2021a). Persediaan yang rapi turut menjadi salah satu indikator kepada keberkesanannya sesuatu subjek yang diajar. Jika dilihat dari subjek Tasawwur Islam itu sendiri, penekanan subjek Tasawwur Islam diperingkat menengah dan asasi adalah sama namun perbincangan dan kupasannya adalah lebih mendalam.


Implementasi proses pengajaran ini perlu diteruskan dalam apa jua situasi yang melanda bagi melahirkan generasi terbilang pada masa akan datang. Walaupun pada ketika ini seluruh negara mengalami kesan pandemik Covid-19, namun proses Pengajaran dan Pembelajaran tetap diteruskan menerusi kaedah online (Mokhtar & rakan-rakan, 2021b). Saranannya melaksanakan PdPr adalah satu perkongsian idea yang baik dan sejajar dengan perkembangan teknologi semasa yang menerapkan penggunaan teknologi dalam pendidikan selaras dengan pendidikan abad ke-21 (Mokhtar & rakan-rakan (2022a). Oleh itu, dalam memastikan kelestarian ilmu Tasawwur Islam ini, para pensyarah perlulah bijak memanipulasi kaedah pengajaran yang

sesuai supaya nilai ilmu Tasawwur Islam tersebut dapat bertahta di hati pelajar dan menjadi amalan murni dalam kehidupan mereka.

Metodologi Kajian

Metodologi Kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berdasarkan dua kaedah campuran iaitu kaedah soal selidik dan temu bual. Kaedah soal selidik telah dijalankan ke atas 50 orang responden secara rawak yang terdiri daripada mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah menerusi soal selidik dalam *Google Form*. Pengisian soal selidik ini telah dijalankan selama dua semester bermula semester satu 2022 dan semester dua 2022. Pengkaji berpendapat, pendekatan soal selidik menerusi *Google Form* ini adalah selari dan sejajar dengan perkembangan teknologi kini serta memudahkan data dianalisis dengan baik. Hasil dapatkan kajian dan data dari *Google Form* tersebut telah diterjemah ke dalam bentuk graf dan carta pai bagi memudahkan data difahami dan dianalisis. Manakala data dari temu bual yang dijalankan akan dijadikan sebagai justifikasi kepada maklumat data soal selidik yang diperolehi (Mokhtar & rakan-rakan, 2021a) bertujuan untuk mendapatkan pandangan dan persepsi mahasiswa terhadap tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam di Universiti Malaysia Sabah.

Dapatan Kajian dan Perbincangan




Rajah 2: Umur Responden

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Soalan pertama yang diajukan kepada responden adalah berkaitan dengan umur mereka. Berdasarkan kepada rajah 2 iaitu latar belakang umur responden, seramai 29 orang dalam kalangan mahasiswa asasi di UMS yang berumur 20 tahun, 20 orang berumur 19 tahun dan seorang mahasiswa yang berumur 21 tahun. Data ini jelas menunjukkan bahawa pelajar asasi adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang baharu sahaja menamatkan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) di peringkat menengah dan mempunyai keputusan yang baik dalam peperiksaan tersebut. Menurut Ahmad (2023) dan Samuel (2023), mereka sudah merancang lebih awal untuk mengikuti pengajian peringkat asasi di UMS selepas mendapat keputusan SPM. Ini menunjukkan bahawa, pendedahan awal peringkat asasi ini bermula seawal umur 19 tahun iaitu setelah pelajar tamat menduduki tingkatan lima di sekolah menengah.

Seterusnya adalah persoalan berkaitan dengan bidang pengajian semasa asasi di UMS turut diajukan kepada responden. Di UMS, terdapat tiga bidang program yang ditawarkan di peringkat asasi iaitu Asasi Sains, Asasi Teknologi Maklumat dan Asasi Agri Sains. Rajah 3 menunjukkan bidang pengajian responden semasa mengikuti pengajian di peringkat asasi.




Rajah 3: Bidang Pengajian Semasa Asasi

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Dalam pengajian peringkat asasi di Universiti Malaysia Sabah (UMS), tidak semua bidang ditawarkan kepada pelajar lepasan SPM untuk melanjutkan pengajian. Terdapat tiga program utama yang ditawarkan di UMS iaitu bidang Asasi Sains, Asasi Teknologi Maklumat dan Asasi Agri Sains. Kesemua bidang tersebut akan dijalankan di kampus induk UMS di Kota Kinabalu, walaupun ada diantara program tersebut yang berpusat di Sandakan dan di Labuan. Justeru, jadual 3 di atas menunjukkan 70% atau 35 orang responden adalah dalam kalangan pelajar dari jurusan Asasi Sains, 16% atau 8 orang dari Asasi Teknologi Maklumat dan seramai 7 orang atau 14% adalah pelajar dari jurusan Asasi Agri Sains.

Kajian ini juga turut melihat tahap minat pelajar terhadap subjek Tasawwur Islam. Berikut adalah respon daripada pelajar berkaitan minat mereka dalam subjek Tasawwur Islam.




Rajah 4: Berminat Dengan Subjek Tasawwur Islam

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Rajah 4 menunjukkan maklum balas dari responden berkaitan dengan sifat minat mereka terhadap subjek Tasawwur Islam semasa di peringkat asasi. Seramai 44 orang atau 88% daripada pelajar sangat berminat dengan subjek Tasawwur Islam dan bakinya iaitu 6 orang atau 12% tidak berminat dengan subjek Tasawwur Islam. Menurut Tony (2023), subjek Tasawwur Islam meningkatkan ilmu beliau khususnya dalam mengaplikasikan ibadah dalam kehidupan. Penekanan dan gaya penyampaian pensyarah dalam kuliah Tasawwur Islam turut meninggalkan impak yang mendalam khususnya terhadap kelangsungan ilmu Islam (Rosli, 2023). Bagi Khairuddin (2023) pula berpendapat, bagi kuliah Tasawwur Islam yang beliau ikuti agak berbeza sedikit dengan rakan-rakannya yang lain. Ini kerana, pensyarah beliau lebih banyak melaksanakan bacaan surah Yasin dan menonton video keagamaan di *Youtube* berbanding kelas rakannya. Oleh kerana pendekatan ini dijalankan, maka beliau kurang berminat dengan Tasawwur Islam dan beliau tidak dapat memanfaat sepenuhnya kursus tersebut dalam kehidupannya.

Sebagai seorang pendidik, mereka perlu mengetahui dan menguasai sepenuhnya ilmu komunikasi yang berkesan (Mokhtar & rakan-rakan, 2019b) dan perlu berkomunikasi dalam bentuk terancang dan teratur lebih mudah diterima oleh para pendengar (Mokhtar & rakan-rakan, 2021d) agar apa yang disampaikan tersebut menjadi pegangan pelajarnya. Selain itu, para pendidik juga harus mempunyai pengetahuan tentang bagaimana cara untuk menarik perhatian golongan remaja yang sememangnya sukar untuk dicuri perhatian mereka ke arah keagamaan (Mokhtar & rakan-rakan, 2021c). Mengaplikasikan prinsip komunikasi Islam dalam proses pengajaran dan pembelajaran turut menjadi penyebab utama kepada penerimaan pelajar terhadap apa yang disampaikan. Menurut Mokhtar dan rakan-rakan (2022c) tanpa prinsip komunikasi, manusia sering kali akan melakukan pelbagai kesalahan dan kesilapan dalam tutur katanya. Dengan kesalahan dan kesilapan yang dilakukan, tanpa disedari, ia akan mengundang sesuatu perkara yang tidak dirancang.

Seterusnya adalah berkaitan pandangan kesesuaian Subjek Tasawur Islam semasa menuntut di peringkat Asasi. Rajah 5 berikut adalah hasil dapatan kajian berkaitan dengan pandangan kesesuaian kursus Tasawwur Islam diajar pada peringkat asasi.




Rajah 5: Pandangan Kesesuaian Subjek Tasawwur Semasa Asasi

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Bagi memastikan tahap penerimaan dan keberkesanan subjek Tasawwur Islam dalam kalangan pelajar asasi, pengkaji turut meminta pandangan pelajar asasi berkaitan dengan kesesuaian pelaksanaan kursus Tasawwur Islam yang ditawarkan. Majoriti daripada responden iaitu seramai 44 orang responden atau 88% bersetuju dengan penawaran kursus Tasawwur Islam sangat sesuai dengan kehendak mereka. Menurut Hassan (2023), penekanan ilmu dalam Tasawwur Islam adalah berbeza dengan subjek Pendidikan Islam yang telah beliau pelajari di peringkat menengah. Oleh itu, subjek Tasawwur Islam ini sangat sesuai dilaksanakan di peringkat asasi.

Bagi memastikan kelestarian ilmu agama, pengkaji turut melihat adakah dengan mempelajari Tasawwur Islam semasa di peringkat asasi ini dapat menambah pengetahuan sedia ada pelajar ataupun tidak. Rajah 6 menunjukkan pandangan responden terhadap peningkatan ilmu pengetahuan sedia ada selepas mereka mempelajari Tasawwur Islam selama dua semester.




Rajah 6: Menambah Pengetahuan Sedia Ada

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Berdasarkan kepada rajah 6 berikut, dapatan kajian menunjukkan bahawa 45 orang responden atau 90% mengatakan selepas mengikuti 10 minggu sesi pengkuliahan mereka telah memperolehi ilmu pengetahuan yang baharu untuk disajikan dalam kehidupan (Khairuddin, 2023). Ilmu yang mereka perolehi semasa berada di peringkat asasi sangat memberikan impak positif terhadap kehidupan sehari-hari mereka. Menurut Rosli (2023), penekanan bab adab dalam kehidupan seseorang Muslim sangat memberi kesan dalam kehidupan beliau. Tambahannya lagi, sebelum ini penekanan bab adab adalah secara asas sahaja dan tidak dikaitkan dengan perkembangan semasa seperti adab berinteraksi secara maya, adab menuntut ilmu secara atas talian dan sebagainya. Secara keseluruhannya, subjek Tasawwur Islam ini sangat relevan diaplikasikan di peringkat asasi bagi memantapkan ilmu agama yang sedia ada.

Oleh kerana subjek Tasawwur Islam ini sering kali dikaitkan dengan subjek Pendidikan Islam, kajian turut melihat pandangan pelajar terhadap persoalan ini. Rajah 7 berikut adalah hasil pandangan responden terhadap kesamaan subjek Tasawwur Islam dengan subjek Pendidikan Islam.

Sama seperti subjek Pendidikan Islam




Rajah 7: Sama Seperti Subjek Pendidikan Islam

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Bagi mengukur tahap pertambahan ilmu pengetahuan yang dimiliki oleh pelajar setelah mempelajari subjek Tasawwur Islam, kajian turut bertanyakan tahap kebersamaan silibus Tasawwur Islam dengan Pendidikan Islam yang telah mereka pelajari di peringkat menengah. Rajah 7 menunjukkan hasil dapatan kajian yang telah diterjemahkan ke dalam bentuk carta pai. Berdasarkan kepada maklum balas daripada responden, seramai 20 orang atau 40% dari responden yang mengatakan bahawa subjek Tasawwur Islam ini adalah sama dengan subjek Pendidikan Islam, 17 orang atau 34% pula mengatakan subjek Tasawwur Islam adalah tidak sama dengan pelajaran Pendidikan Islam dan selebihnya iaitu 13 orang atau 26% pula tidak pasti sama ada subjek Tasawwur Islam tersebut sama atau tidak dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Menurut Tony (2023), asas penekanan ilmu dalam Tasawwur Islam adalah sama seperti apa yang telah dipelajari sewaktu di peringkat menengah, namun pengolahan dan kupasan ilmu adalah bersifat kontemporari. Manakala bagi Mamat (2023) dan Amin (2023) pula berpendapat, subjek Tasawwur Islam dan Pendidikan Islam ini adalah subjek yang sama kerana apa yang dipelajari di peringkat asasi hampir sama dengan apa yang telah mereka pelajari ketika di bangku sekolah sebelum ini. Walau bagaimanapun, subjek Tasawwur Islam ini lebih mendalam dan terperinci kupasannya berbanding dengan subjek Pendidikan Islam.


Rajah 8 pula adalah berkaitan dengan tahap keberkesanannya subjek Tasawwur Islam dalam kehidupan pelajar. Ia bertujuan untuk melihat sama ada subjek Tasawwur Islam ini memberikan impak yang memberangsangkan atau sebaliknya.

**Rajah 8: Beri Banyak Kesan Kepada Kehidupan**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Bagi mengetahui tahap penerimaan dan keberkesanan subjek Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di UMS, satu bentuk soalan berkaitan dengan perubahan yang berlaku dalam kehidupan mahasiswa setelah mempelajari Tasawwur Islam telah diajukan. Hasil kajian seperti rajah 8 menunjukkan seramai 40 orang atau 80% responden telah bersetuju mengatakan bahawa subjek Tasawwur Islam sangat memberi kesan dan perubahan dalam kehidupan mereka manakala seramai 10 orang atau 20% dari responden yang tidak mendapat sebarang perubahan selepas mempelajari subjek Tasawwur Islam. Menurut Bukah (2023), kaedah penyampaian yang digunakan oleh pensyarah dalam Tasawwur Islam sedikit sebanyak meninggalkan impak positif dalam dirinya. Penyampaian secara memberi peringatan serta contoh-contoh semasa memudahkan pelajar menerima dan mengingati apa yang disampaikan dalam Tasawwur Islam. Bagi Amin (2023) pula berpendapat subjek Tasawwur Islam ini adalah subjek yang beliau minati kerana setiap kali sesi kuliah dijalankan, para pelajar berpeluang untuk mengajukan soalan yang selama ini bermain di kotak fikiran mereka. Dengan adanya komunikasi dua hala antara pelajar dan pensyarah, sudah pasti ilmu tersebut dapat dikongsikan bersama rakan-rakan yang mempunyai masalah yang sama.

Persoalan terakhir dalam kajian tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam pada peringkat asasi di UMS adalah berkaitan dengan pandangan responden terhadap Subjek Tasawwur Islam sama ada ia relevan untuk dikekalkan ataupun sebaliknya. Rajah 9 berikut merupakan maklum balas dan pandangan pelajar terhadap kursus Tasawwur Islam.

**Rajah 9: Pandangan Subjek Tasawwur Islam**

Sumber: Kajian Penyelidikan 2023

Rajah 9 menunjukkan pandangan keseluruhan responden terhadap subjek Tasawwur Islam. Terdapat seramai 42 orang responden atau 84% mengatakan subjek Tasawwur Islam dapat menambah ilmu pengetahuan baharu berkaitan dengan agama Islam. Berdasarkan silibus yang digunakan dalam kursus Tasawwur Islam, Mamat (2023) berpendapat penekanan Tasawwur Islam adalah lebih mendalam dan meluas dari Pendidikan Islam dan ia sangat membantu dirinya untuk terus mendalami ilmu-ilmu agama. Kursus Tasawwur Islam juga dapat membantu pelajar meningkatkan kefahaman agama khususnya kepada persoalan-persoalan semasa yang hangat dibicarakan dewasa ini (Ahmad, 2023) dan (Rosli, 2023). Kursus Tasawwur Islam juga telah memberikan tambah nilai kepada pengetahuan sedia ada khususnya dalam bab adab kehidupan seorang Muslim yang sebenar menurut perspektif Islam (Khairuddin, 2023).

Selain itu terdapat 30 orang responden atau 60% berpendapat bahawa ilmu-ilmu yang dipelajari dalam subjek Tasawwur Islam dapat diaplikasikan dalam kehidupan seharian. Menurut Moharam (2023) dan Hassan (2023), setelah mempelajari kursus Tasawwur Islam, mereka dapat melaksanakan ibadah-ibadah umum dan khusus tanpa sebarang keraguan seperti sebelum ini. Kupasan isu dan masalah dalam agama dapat diuraikan dengan baik dan jelas sekaligus memberikan kesan mendalam dalam kehidupan para pelajar. Dengan mempelajari Tasawwur Islam juga, seseorang mahasiswa di peringkat asasi UMS dapat mengubah sikap serta membantu mereka menjadi manusia yang lebih baik. Ini dibuktikan dengan 21 orang atau 42% dari responden yang bersetuju dengan kenyataan tersebut. Menurut Rosli (2023), dengan mempelajari kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi beliau telah memperolehi banyak ilmu-ilmu agama dan dapat meningkatkan amalan kebaikan beliau dalam kehidupan.

Walaupun majoriti daripada responden menyambut baik kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi, namun terdapat 15 orang atau 30% responden berpendapat skop penekanan subjek Tasawwur Islam dengan Pendidikan Islam adalah sama. Ini kerana ada dalam kalangan mahasiswa asasi mengatakan apa yang diajar oleh pensyarah dalam kuliah sama seperti yang telah diajar oleh guru mereka ketika di sekolah menengah (Amin, 2023). Selain itu, terdapat seramai 3 orang atau 6% dari responden mengatakan mereka tidak banyak memperolehi ilmu agama yang baharu setelah mengambil subjek Tasawwur Islam. Menurut Bukah (2023), silibus yang diajar pada peringkat asasi di Universiti Malaysia Sabah bukanlah suatu ilmu yang baharu

dalam kehidupannya. Ini kerana, kebanyakkan yang diajar semasa kuliah asasi adalah apa yang telah dipelajari pada peringkat menengah suatu ketika dahulu.

Tuntasnya, sebagai seorang pendidik, mereka seharusnya bijak dan pintar dalam menggunakan kaedah untuk menarik minat pelajarnya (Mokhtar & rakan-rakan, 2022d) dan implementasi dakwah ini tidak hanya tertumpu kepada bidang keagamaan semata-mata dan tidak juga dikhususkan menerusi perkataan sahaja (Mokhtar & rakan-rakan, 2021h). Konsep dakwah adalah luas dan tidak tertumpu kepada medium ceramah, motivasi, tazkirah dan sebagainya, namun ia boleh diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan sama ada dalam bentuk cerita, cerpen, lirik lagu, sajak, puisi dan sebagainya (Mokhtar & rakan-rakan, 2021g). Oleh itu, nilai kepercayaan kepada agama merupakan suatu pegangan dan pedoman yang mempunyai peranan besar dalam mencorakkan kehidupan manusia terutamanya ajaran agama Islam (Mokhtar dan rakan-rakan, 2021f).

Kesimpulan

Melanjutkan pengajian di peringkat asasi turut merupakan salah satu pilihan utama bagi para pelajar yang telah berjaya mendapat keputusan yang baik dan cemerlang di peringkat SPM. Pemilihan bidang yang sesuai dengan keputusan turut menjadi satu indikator kepada kejayaan pelajar untuk berada di peringkat asasi. Bagi memastikan kelancaran dan kemantapan subjek Tasawwur Islam di peringkat asasi ini, silibus dalam Tasawwur Islam perlu ditambah baik agar ia selaras dan sejajar dengan menghadapi isu-isu kontemporari masa kini. Para pensyarah juga perlulah memainkan peranan penting dalam proses penyampaian ilmu kepada pelajar agar ia mudah diterima dan difahami. Secara umumnya, kursus Tasawwur Islam ini sangat relevan diajar pada peringkat asasi di mana-mana universiti sekalipun. Apa yang menjadi keutamaan adalah penggunaan silibus yang sesuai dengan tahap keupayaan pelajar serta peruntukan masa yang sejajar dengan keutamaan subjek. Semoga dengan pelaksanaan kursus Tasawwur Islam di peringkat asasi ini sedikit sebanyak dapat melahirkan modal insan yang berteraskan nilai Islam serta dapat mewujudkan sebuah masyarakat Islam yang madani.

Penghargaan

Manuskrip ini dihasilkan berasaskan dana Geran Penyelidikan Penerbitan sumbangan Global Academic Excellence (GAE).

Rujukan

- Ahmad, N. F. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanannya kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 15 Januari.
- Amin, M. Z. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanannya kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 16 Januari.
- Bukah, M. A. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanannya kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 16 Januari.
- Hassan, S. N. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanannya kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 15 Januari.
- Ibrahim, F. (2009). *Dadah dan Pembangunan Belia: Antara Cabaran dan Peranan*. Nobaya Ahmad dan Haslinda Abdullah (eds.). Belia dan Pembangunan Modal Insan. Penerbit UPM, Serdang Selangor.
- Khairuddin, S. A. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanannya kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 16 Januari.

- Langgulung, H. (1977). Masalah-masalah Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pendidikan* 5:44-56 1977.
- Mamat, N. A. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 15 Januari.
- Moharam, M.M.H., Mokhtar, S., & Thia, K. (2021). Pendekatan Kaedah Interaktif dalam Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Abad ke-21 di Sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kota Kinabalu, Sabah. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 79-88.
- Moharam, S. N. A. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 15 Januari.
- Mokhtar, S. (2014). Strategi Pelaksanaan Dakwah Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) dan Penilaian Modul Kerohanian di Penjara Sandakan. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mokhtar, S., Hajimin, M. N. H. H., Muis, A. M. R. A., Othman, I. W., Esa, M. S., Ationg, R., & Lukin, S. A. (2021d). Analisis Prinsip-Prinsip Komunikasi Islam dalam Kitab al-Quran. *International Journal of Law, Government and Communication* (IJLGC). Vol. 6. Issue 23. April 2021. 140-156.
- Mokhtar, S., Muda, N., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2021g). Nilai Moral Dalam Sajak ‘Ke Makam Bonda’ Oleh Usman Awang: Satu Analisis Bahasa, Nilai dan Struktur Serta Kaitannya dengan Konsep Dakwah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 6 (41), 76-91.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Abu Bakar, A. L., & Esa, M. S. (2021e). Kelangsungan Pengajaran Dan Pembelajaran Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Penularan Covid-19 Menerusi Online: Satu Resolusi Kementerian Pendidikan Malaysia. *Journal of Information System and Technology Management*, 6 (23), 34-46.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ationg, R., & Esa, M. S. (2021f). Implementasi Dakwah Terhadap Etnik Sungai Di Sabah: Satu Analisis Awal. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 6(40), 164 - 178.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Moharam, M. M., & Maidin, I. (2021h). Dakwah Bil Akhlak Kontemporari: Satu Pendekatan dalam Konsep Keusahawanan Islam. *International Journal of Accounting, Finance and Business* (IJAFB), 6 (37), 111 - 123.
- Mokhtar, S., Othman, I. W., Ramlie, H. A., & Ariffin @ Eduny, S. (2022a). Implikasi PdPr Menerusi Online Semasa Pandemik Covid-19: Satu Tinjauan Terhadap Persepsi Guru-Guru di Sekolah Sekitar Daerah Kota Kinabalu, Sabah. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 96-111.
- Mokhtar, S., Pullong, A., Hasbollah, M. N. H., & Adam, S. D. A. (2022d). Kepentingan Ilmu Dakwah Terhadap Pendakwah Kontemporal Menurut Perspektif Muhammad Al-Ghazali: Satu Analisis. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 7(47), 324 - 337.
- Mokhtar, S., Ramlie, H., Januin, J., Jawing, E., & Abang Muis, A. M. R. (2022c). Analisis Persamaan dan Perbezaan Prinsip Komunikasi dalam Kitab al-Quran dan Veda. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (45), 152-165.
- Mokhtar, S., Shah, M.K.M., Ramlie, H.A, Othman, I. W., Ationg, R., Esa, M. S. & Marinsah, S. A. (2021a). Rekayasa Dakwah KBAT dalam Kalangan Mahasiswa di Universiti Malaysia Sabah Menerusi Kursus Penghayatan Etika dan Peradaban. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* (IJEPC). Volume 6 Issue 39 (May 2021). 178-193.

- Mokhtar, S., Sharif Adam, S. D., Othman, I. W., & Esa, M. S. (2022b). Facebook: Satu Platform Dalam Membentuk Kesepaduan Nasional di Sabah. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development* (JISED), 7(47), 295 - 308.
- Mokhtar, S., Thia, K. & Ramlie, H. (2019b). Pendekatan Dakwah JHEAINS terhadap Banduan di Penjara Sandakan: Satu Tinjauan Awal. *Jurnal al-Hikmah*. 11(2). 68-87.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021b). Prospek Pengajaran dan Pembelajaran Online Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Pandemik Covid-19 di Sandakan, Sabah: Cabaran dan Signifikan. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 348-359.
- Mokhtar, S., Thia, K., Othman, I.W., & Moharam, M.M.H. (2021c). Prospek dan Cabaran Implementasi Dakwah dalam Media Kontemporari: Satu Analisis. Prosiding 5th International Conference on Teacher Learning and Development (ICTLD) 2021. 03 – 05 August 2021. 408-418.
- Mokhtar, S., Thia, K., Ramlie, H, A. & Abang Muis, A. M. R. (2019a). Falsafah Pendidikan Islam Merentas Kurikulum Alaf Ke-21. e-Proceeding Persidangan Antarabangsa Pengajian Kemanusiaan Kali Ke-2. 94-105.
- Othman, S. (1995). Menangani Masalah Bohsia, Moral dan Pendidikan. 7. ms. 48-50 .
- Rosli, N. S. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 15 Januari.
- Samuel, N. A. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 16 Januari.
- Tamuri, A. H., Yusopp, A., Osman, K., Abdul Razak, K., Awaludin, S. & Abdul Rahim, Z. (2004). Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar. Laporan Penyelidikan Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia dan Jabatan Pendidikan Islam dan Moral, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Tony, A. A. (2023). Tahap penerimaan dan keberkesanan kursus Tasawwur Islam dalam kalangan mahasiswa asasi di Universiti Malaysia Sabah. Temu bual. 16 Januari.